

SEMPURNAKAN
... Kamal D.E
Quadra
menyempurnakan simbolik
perasmian
pameran Matrix
2019.



Matrix Show 2019 saluran siswa-siswi UMS hasil karya seni peringkat tinggi

NST 11.5.2019 2

KOTA KINABALU: Pengajuran pameran Matrix Show 2019 oleh pelajar tahun akhir program Teknologi Seni Visual Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW) Universiti Malaysia Sabah (UMS) mampu menjadi saluran terbaik kepada siswa-siswi UMS untuk terus menghasilkan karya seni yang mampu bersaing di peringkat yang lebih jauh.

Pengerusi Lembaga Penjawat Kolej Teknikal Yayasan Sabah (KTYS), Datuk Kamal D.E

Quadra berkata, usaha ini adalah amat penting dan mampu memberi impak terhadap pembangunan pelajar di universiti.

"Melalui projek akhir dan pameran ini, siswa-siswi telah dilatih untuk menghasilkan karya-karya seni mengikut bidang-bidang yang dipilih."

"Saya percaya usaha ini sekali gus melahirkan siswa-siswi yang mempunyai kemahiran insaniah atau soft skill yang tinggi," katanya ketika merasmikan program tersebut

di Galeri Seni FKSW.

Terdahulu, Dekan FKSW, Dr. Marsitah Mohd Radzi berkata, tema pameran Matrix Show iaitu Light of Borneo yang merujuk kepada keistimewaan yang terdapat di bumi Borneo mampu memperkenalkan lagi budaya, adat, kaum dan kepercayaan di kawasan Borneo melalui karya yang dihasilkan.

"Hasil karya pelajar memperkenalkan keunikan budaya di Borneo yang diterjemahkan dalam pelbagai bentuk visual

seperti seni arca, catatan, cetakan, seramik, batik, lukisan, identiti korporat, media baharu, pengiklanan dan filem," katanya.

Program yang berlangsung selama tiga hari itu melibatkan pameran hasil karya seramai 66 tahun akhir program Teknologi Seni Visual FKSW.

Hadir sama pada program tersebut penyelaras program, Dr. Zaimie Sahibil dan pengarah program, Dayang Masziahah Sidek.